



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JOW 452 - Perhubungan Industri

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

SOALAN 1 (25 markah)

Akta Kerja 1955 menggariskan faedah minima yang mesti disediakan oleh pihak majikan kepada pekerja mereka. Akta ini adalah terpakai kepada pekerja yang tersenarai dalam jadual pertama akta serta juga pekerja yang mana pihak menteri menyenaraikannya. Huraikan siapakah yang diliputi oleh akta ini?

SOALAN 2 (25 markah)

Terangkan tentang peruntukan yang ditetapkan oleh Akta Kerja 1955 mengenai perkara berikut:

- | | |
|----------------------------------|------------|
| (a) Notis penamatan perkhidmatan | (5 markah) |
| (b) Cuti tahunan | (5 markah) |
| (c) Cuti sakit | (5 markah) |
| (d) Cuti umum | (5 markah) |
| (e) Jumlah jam bekerja | (5 markah) |

SOALAN 3 (25 markah)

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah salah satu mekanisme yang diwujudkan oleh pihak kerajaan bagi menyediakan jaringan keselamatan sosial kepada golongan pekerja. Namun demikian keberkesanannya dalam menyediakan bekalan hari tua kepada golongan pekerja sektor swasta telah dipertikaikan oleh banyak pihak. Pada pandangan anda, adakah KWSP sudah cukup sempurna atau masih memerlukan penambahbaikan dalam memastikan golongan pekerja swasta mendapat keselesaan kewangan yang lebih terjamin pada usia tua mereka? Bincangkan.

SOALAN 4 (25 markah)

Ali telah diterima bekerja dengan sebuah firma guaman sebagai kerani. Surat pelantikannya menyatakan bahawa beliau perlu menjalani tempoh percubaan selama enam bulan dan selama tempoh tersebut beliau tidak akan diberikan faedah pekerjaan serta kemudahan lain sebagaimana yang dinikmati oleh pekerja tetap. Selepas sembilan bulan bekerja, Ali masih lagi belum disahkan jawatannya namun demikian beliau telah diberikan cuti serta beberapa kemudahan lain sepertimana yang dinikmati oleh pekerja yang telah disahkan jawatan. Nasihatkan Ali mengenai status beliau sebagai seorang pekerja kepada syarikat guaman tersebut dengan berpandukan kepada kes yang berkaitan.